

06/01/1998

Ahli Umno boleh kemuka rayuan

KUALA LUMPUR, Isnin - Ahli Umno yang dilarang bertanding merebut jawatan dalam parti masih boleh membuat rayuan kepada Majlis Tertinggi (MT) jika berpendapat kes yang dikemukakan terhadap mereka lemah atau tidak jelas, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Timbalan Presiden Umno, ahli parti mempunyai tanggungjawab untuk membuat laporan jika mereka dihadapkan ke mahkamah.

Jika tidak, anggota terbabit boleh dianggap memberi maklumat palsu.

"Jika ia menganggap kes yang dihadapinya lemah atau tidak jelas, ia boleh rayu. Kita boleh timbang.

"Soal seseorang itu boleh bertanding atau tidak, itu keputusan MT," katanya selepas melancarkan Program Penghayatan Ramadan anjuran Perbendaharaan Malaysia di Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Pada 20 Disember lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan MT melarang semua ahli yang didakwa di mahkamah, bertanding sebarang jawatan dalam parti.

Beberapa hari selepas itu, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, memberi penjelasan bahawa hanya ahli Umno yang menghadapi tuduhan dalam kes jenayah, tidak dibenarkan bertanding pada pemilihan parti peringkat bahagian Mac depan.

Mereka juga tidak boleh dicalonkan menjadi perwakilan ke mesyuarat perwakilan bahagian dan perhimpunan agung parti itu.

Mengulas lanjut, Anwar berkata beliau sudah menjelaskan bahawa ahli Umno yang sedang dalam perbicaraan di mahkamah, sama ada dalam atau luar negara dengan kes membabitkan jenayah seperti rasuah, dilarang bertanding sebarang jawatan parti.

"Mereka yang sudah dihadapkan ke mahkamah dan didapati tidak bersalah, tidak apalah.

"Mana-mana ahli parti yang dihadapkan ke mahkamah kerana dituduh melakukan kesalahan kecil seperti kes jalan raya juga tidak patut dikaitkan," katanya.

Beliau juga menafikan Umno cuba menjatuhkan hukuman dengan menguatkuasakan peraturan itu.

"Kita bukan menjatuhkan hukuman. Kita hanya menangguhkan kerana kes itu. kalau tidak bersalah mereka boleh bertanding balik.

"Mereka bukan dihukum tetapi mereka akan digantung dalam tempoh berkena.

"Dalam jabatan kerajaan juga peraturan yang sama digunakan.

"Disiplin membabitkan kakitangan awam ...ia bukan perkara baru," katanya.

(END)